

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 13 APRIL 2015 (ISNIN)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Galakan cipta produk sejagat	Berita Harian
2	Bioalpha to ride health supplement growth	The Edge Malaysia

Oleh Nor Afzan  
Mohamad Yusof  
afzan@bh.com.my

Pengeluar dan pengilang seharusnya mencipta reka bentuk peralatan yang lebih sejagat dan pelbagai fungsi supaya boleh digunakan oleh semua golongan.

Ketika ini, kalangan pengeluar dan pengilang hanya mencipta produk yang hanya mengkhhusus dan praktikal untuk kegunaan orang kurang upaya (OKU).

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd Dun, berkata tahap kesedaran pengeluar mengenai produk atau alat bantuan untuk kegunaan OKU masih rendah, malah ramai tidak mencipta rekaan mesra pengguna.

Justeru, katanya, kementerian sedang giat mempromosi produk seumpama itu supaya memberikan manfaat sepenuhnya untuk OKU dan golongan sasarannya di negara ini.

"Banyak sebab pengusaha tempatan tidak menghasilkan produk sebegini, sebaliknya hanya menumpu perhatian kepada pengeluaran peralatan OKU. Saya lihat ada antara produk dipamerkan di sini sesuai untuk warga emas dan kanak-kanak OKU, cuma ia tidak dikomersialkan," katanya selepas merasmikan pameran Produk Sejagat@Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM), di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin.

#### Maksimum potensi OKU

Azizah berkata, kerajaan ingin memaksimumkan potensi, produktiviti OKU dan warga emas melalui pelbagai kaedah termasuk mempromosi rekaan sejagat.

"Penganjuran pameran ini amat bertepatan dalam usaha menggalakkan penciptaan perkhidmatan atau pengeluar produk tampil bersama rekaan sejagat. Pameran ini sebagai salah satu strategi kerajaan untuk memperkukuhkan lagi kerangka dasar sedia ada dalam usaha

# Galakan cipta produk sejagat

» Rekaan mesra pengguna mampu maksimumkan potensi OKU



#### INFO

#### Matlamat Pameran Produk Sejagat@JKM dan MRM

- Pusat rujukan setempat mengenai produk reka bentuk sejagat.
- Meningkatkan kefahaman dan kesedaran sektor kerajaan mengenai kepentingan reka bentuk sejagat untuk meningkatkan kualiti kehidupan sosio-ekonomi masyarakat.
- Menggalakkan sektor perindustrian membangunkan lebih banyak produk inovatif yang menggunakan konsep reka bentuk sejagat.
- Sebagai rujukan untuk mengkaji kepelbagaian manfaat melalui reka bentuk sejagat.



Azizah Mohd Dun (dua dari kiri) dan Ewon melawat pameran Produk Sejagat@JKM dan MRM di PLPP, Bangi. (FOTO SADDAM YUSOFF / BHM)

meningkatkan status OKU dan memastikan penyertaan lebih aktif dalam masyarakat," katanya.

Azizah berkata, pengusaha menghasilkan produk reka bentuk sejagat berpotensi untuk meraih keuntungan kerana jumlah OKU ramai di negara ini. Sehingga 20 Mac tahun lalu, seramai 331,052 OKU berdaftar dengan JKJ.

Katanya, daripada jumlah itu, seramai 118,633 orang menghadapi masalah pembelajaran; kecacatan fizikal (112,500); penglihatan (29,572); pendengaran (27,751); mental (25,816) dan pelbagai kategori (15,173).

"Dari semasa ke semasa, jumlah OKU yang berdaftar dengan JKJ semakin meningkat berikutan tahap kesedaran orang ramai semakin tinggi untuk mendaftar OKU. Secara langsung, saya melihat produk rekaan sejagat amat diperlukan. Justeru, kami menggesa pengusaha tempatan tampil bersama produk sebegini untuk keperluan OKU," katanya.

#### Rekaan mesti sejagat

Sementara itu, Ewon mengharapkan pembabit sektor swasta menghasilkan produk inovatif yang bagus dan menjadikan pameran seumpama itu sebagai rujukan.

"Sebahagian peralatan itu sesuai untuk warga emas dan wanita hamil. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, seramai 2.69 juta warga emas

dicatatkan pada tahun lalu dan sudah pasti, ramai memerlukan produk sebegini," katanya.

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menganggarkan, sebanyak 15 peratus penduduk di sesebuah negara adalah OKU. Mengikut unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 berikutan pertambahan 15 peratus penduduk negara mencah usia 60 tahun ke atas.

“Tetapi saya lihat ada antara produk dipamerkan di sini sesuai untuk warga emas dan kanak-kanak OKU, cuma ia tidak dikomersialkan”

Azizah Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

"Usaha mempromosi rekaan sejagat, dimulakan Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM), sejak awal tahun 2000 lagi dan inisiatif itu diambil dengan melihat aplikasi dilakukan beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Taiwan yang menjadikan rekaan sejagat sebagai salah satu elemen penting untuk kesejahteraan hidup rakyat.

"Penubuhan MRM sebagai pusat rujukan reka bentuk juga dilihat sa-

ngat relevan dengan keperluan sektor perindustrian dan pendidikan pada masa kini. Selain meluaskan konsep dan kepentingan penggunaan produk, ia selari dengan hasrat menjadikan lokasi pameran sebagai pusat rujukan berkaitan OKU," katanya.

## Harap capai matlamat

Pameran Produk Sejagat@JKM-MRM adalah yang pertama seumpamanya diadakan di negara ini.

Pameran adalah tanda komitmen kerajaan terhadap Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Kurang Upaya 2006 iaitu kewajipan 'mempromosi, penyelidikan, pembangunan produk, perkhidmatan, peralatan dan kemudahan berkonsepkan rekaan sejagat'.

Seiring itu, pameran ini mempromosikan pelbagai produk kegunaan harian seperti peralatan rumah, pejabat dan kegunaan bagi aktiviti luar berkonsepkan rekaan sejagat yang sesuai untuk semua golongan masyarakat tanpa mengira peringkat umur, keupayaan dan sebgainya.

#### Transformasi kehidupan

Menerusi pameran itu, pengusaha digalakkan menghasilkan produk pelbagai pilihan, meningkatkan jumlah pengeluaran dan memperluaskan penggunaan produk berkonsepkan rekaan sejagat dalam masyarakat.

Bermula dengan idea JKJ untuk melihat transformasi kehidupan OKU melalui inovasi sosial dan melahirkan masyarakat inklusif, penganjuran pameran itu mendapat kerjasama baik daripada MRM dan ia adalah satu komitmen untuk menjadikan projek ini satu realiti.



Produk mesra pengguna memudahkan OKU melakukan kerja rumah.



Peralatan khas memudahkan tugas OKU di dapur.

# Bioalpha to ride health supplement growth

BY AFIQ ISA

**B**ioalpha Holdings Bhd, which is set to make its debut on the ACE Market on April 14, is primarily involved in the manufacturing and sale of semi-finished and finished health supplements.

The group is keen on exploring new growth avenues, ranging from the formulation of new biotechnology products to expanding into new export markets in the Middle East, according to its managing director William Hon.

Bioalpha's substantial shareholders include Perbadanan Nasional Bhd (PNB) with a 22.74% stake and Malaysian Technology Development Corp (MTDC) with 17.57% equity interest. PNB and MTDC are ultimately owned by the Ministry of Finance.

A steady stream of government-backed initiatives makes Bioalpha a direct proxy for the local health supplement industry, which is expected to grow from RM759.36 million this year to RM914.59 million by 2019. For example, in 2011, a Bioalpha subsidiary was appointed as an Entry Point Project partner under the Economic Transformation Programme to explore the possibility of turning traditional herbal supplements into prescription drugs.

Apart from being an original design manufacturer and supplying its products to other companies, which sell the products under their own brand names, Bioalpha is also moving towards establishing its in-house brand of nutritional supplements.

To do this, the company has entered into

## Bioalpha Holdings Bhd

ACE Market  
 IPO price: 20 sen  
 Par value: 5 sen  
 Market capitalisation at IPO: RM92.7 million  
 Listing date: April 14

## Financial information

FYE DEC 31 (RM MIL)	9M2014*	2013	2012
Revenue	18.77	24.57	19.12
Net profit	3.73	6.34	7.15
Net EPS (sen)	1.05	1.73	2.83

\*Nine-month period ended Sept 30

an arrangement with MyAngkasa, a subsidiary of the National Cooperative Organisation of Malaysia, to open retail outlets to sell Bioalpha's health supplements.

The deal also provides Bioalpha with a large new market through MyAngkasa, which comprises some 10,000 cooperatives and about eight million members.

Bioalpha prides itself on its integrated processes, which include the R&D, farm cultivation and manufacturing segments. This allows the group to keep its costs low and maintain its high net profit margins of 30% on average in the past years, Hon tells *The Edge*.

In the initial public offering (IPO), the company had offered 100 million new ordinary shares, 20 million of which were allocated to the public and 80 million by way of placement to selected investors.



SHAHIRIN YAHYA/THE EDGE

Hon says the group is keen on exploring new growth avenues

The 20 million shares, priced at 20 sen apiece, were oversubscribed by 32.19 times.

The listing is expected to raise some RM20 million for Bioalpha, which will mainly be used for working capital requirements and the repayment of bank borrowings.

With a profit margin averaging 30% a year between financial year 2011 and FY2013, the group's new growth avenues could boost its earnings further. For the nine-month financial period ended Sept 30, 2014 (9MFY2014), Bioalpha delivered a net profit of RM3.73 million on the back of RM18.77 million in revenue.

Based on its enlarged issued and paid-up share capital of 463.41 million shares post-listing, this translates into 0.83 sen in diluted earnings per share as at 9MFY2014. Net assets per share amount to 15.6 sen, which gives it a price-to-

book value of 1.28 times at its 20 sen IPO price.

The company is also implementing a stated dividend policy of 30% of net income to reward long-term shareholders, says Hon.

In a non-rated note by Kenanga Research on April 2, the firm says Bioalpha holds a lot of potential as a growth-stage company.

"We are positive about the company's prospects underpinned by the following: its ongoing expansion plans, venture into the Middle East market in the second quarter of this year, development of 30 new product formulations and competitive edge by having its own herb farm," says Kenanga.

The research house has pegged Bioalpha with a fair value of 24 sen, which is derived from a price-earnings multiple of 11 times based on a projected earnings per share of 2.1 sen for FY2016 ending Dec 31. ■